

**MB: Pakatan putuskan enakmen antilompat parti**  
**MalaysiaKini.com**  
**29 Ogos, 2012**  
**Oleh Ahmad Fadli KC**

Menteri Besar Selangor Tan Sri Khalid Ibrahim berkata rancangan kerajaan negeri untuk menggubal enakmen bagi menghalang wakil rakyat melompat parti akan diputuskan oleh pucuk pimpinan Pakatan Rakyat terlebih dahulu.

"Ini isu politik Pakatan Rakyat yang dibincangkan di peringkat pucuk pimpinan.

"Kalau pucuk pimpinan bersetuju gubal undang-undang untuk tidak galakkan lompat parti, Selangor sebagai negeri Pakatan akan pertimbang untuk ikut," kata Khalid dalam satu sidang media hari ini.

Tambahnya, pada masa ini isu yang wajar diberikan lebih tumpuan adalah pemilihan calon yang bakal bertanding dalam pilihan raya umum akan datang.

"Pada saya isu itu (enakmen antilompat parti) tidak sangat besar.

"Isunya Pakatan Rakyat perlu belajar daripada pelajaran lepas dan lebih berhati-hati daripada segi emilihan mereka yang akan bertanding.

"(Kita perlu tentukan) samada mereka yang dipilih bersedia mewakili parti," katanya kepada pemberita di Shah Alam hari ini.

Enakmen antilompat parti mencuri perhatian ramai apabila kerajaan Pulau Pinang menerusi ketua menterinya mengumumkan cadangan untuk membenteng cadangan enakmen berkenaan di Dewan Undangan Negeri pada bulan November.

Tindakan itu mulanya dilihat bercanggah dengan usaha Ketua Umum PKR, Datuk Seri Anwar Ibrahim memujuk dua ahli parlimen Sabah keluar BN dan menjadi wakil rakyat mesra Pakatan.

Anwar (kanan) bagaimana pun semalam berkata beliau tiada masalah dengan enakmen itu dan telah dimaklumkan sendiri oleh Lim Guan Eng tentangnya.

Pada sidang media sama tengahari tadi, Khalid Ibrahim turut mengumumkan bahawa sambutan hari merdeka dan hari Malaysia peringkat Selangor akan berlangsung di Dataran Shah Alam bermula jam 8.30 malam esok.

Menurutnya ia melibatkan persembahan kebudayaan dan kesenian serta perarakan kira-kira 56 kontinjen dari tentera dan badan bukan kerajaan.

Di antara tarikan utama pada sambutan itu adalah persembahan kawad senyap oleh Tentera Laut DiRaja Malaysia dan satu pidato yang akan disampaikan Anwar Ibrahim.

Copyright © 1999-2012 Mkini Dotcom Sdn. Bhd

Source: <http://www.malysiakini.com/news/207419>